

POLISI INSURANS PERFECT RIDER 24HR

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani.

Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan pihak **Kami**.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedii yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

Tajuk tidak membentuk sebahagian daripada susun kata **Polisi**.

Polisi ini menetapkan perlindungan insurans yang **Anda** terima seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual** dan keadaan di mana **Anda** dilindungi dan tidak dilindungi.

Sesetengah perkataan dan pernyataan dicetak dalam huruf tebal kerana ianya mempunyai makna yang khusus di dalam **Polisi**. **Anda** boleh mendapatkan maksudnya di bawah bahagian Definisi.

DEFINISI

1. **Kita/Kami/Syarikat** bermakna Liberty General Insurance Berhad.
2. **Polisi** bermakna kontrak insurans **Anda** yang mengandungi pernyataan Polisi ini, Jadual dan sebarang Pengendorsan.
3. **Jadual** bermakna **Polisi** / sijil insurans / jadual pengendorsan, di mana butiran, faedah dan jumlah diinsuranskan **Anda/Orang Yang Diinsuranskan** dinyatakan.
4. **Pihak Diinsuranskan/Anda** bermakna orang yang berusia 18 tahun hingga 85 tahun atau badan korporat yang berdaftar di Malaysia yang mana **Polisi** ini dikeluarkan kepadaannya untuk memberikan perlindungan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**.
5. **Orang Yang Diinsuranskan** bermakna orang yang dinamakan dalam **Jadual** yang menerima perlindungan di bawah **Polisi** ini. Kriteria kelayakan adalah seperti berikut:
 - a) Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap Malaysia, Pemegang Permit/Pas Kerja di Malaysia dan/atau suami/isteri yang sah / anak/Anak-Anak / Ibu Bapa / **Pekerja** yang menetap secara sah di Malaysia. Jika **Pihak Diinsuranskan** ialah seorang individu, beliau mestilah salah seorang daripada **Orang Yang Diinsuranskan**. Jika **Pihak Diinsuranskan** ialah badan korporat, hanya **Pekerja** mereka boleh dinamakan sebagai **Orang Yang Diinsuranskan**.
 - b) Umur suami/isteri, Ibu Bapa dan **Pekerja Anda** mestilah 18 tahun hingga 85 tahun.
6. **Anak-Anak** bermakna anak/anak-anak **Anda** yang sah dan belum berkahwin (termasuk anak tiri dan anak angkat secara sah) yang di bawah tanggungan kewangan **Anda** yang berumur
 - a) 30 hari hingga 18 tahun; atau
 - b) sehingga 23 tahun jika masih menuntut sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
7. **Ibu Bapa** bermakna ibu bapa kandung/ibu bapa angkat yang sah yang di bawah tanggungan kewangan **Anda**.
8. **Tempoh Insurans** bermakna tempoh di mana **Anda** dan **Orang Yang Diinsuranskan** dilindungi untuk perlindungan insurans seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.
9. **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan** bermakna kecederaan anggota badan yang dialami dalam **Tempoh Insurans** disebabkan secara langsung oleh kejadian malang, tidak disengajakan, luaran dan ketara yang semata-mata dan secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain yang mengakibatkan tuntutan untuk kematian atau hilang upaya.
10. **Doktor** bermakna pengamal perubatan berdaftar (selain daripada diri **Anda**, suami/isteri atau saudara-mara terdekat **Anda**) yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan.
11. **Hospital** bermakna institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan atau sebarang badan yang berkenaan dan dijalankan secara sah untuk menjaga dan memberikan rawatan kepada orang yang cedera dengan kelengkapahan yang teratur untuk diagnostik dan pembedahan, mempunyai khidmat dua puluh empat (24) jam jagaan jururawat yang berkelayakan dan berdaftar dan penyeliaan perubatan, tetapi tidak merangkumi sebarang institusi yang diusahakan semata-mata sebagai rumah jagaan, institusi mental atau tempat penjagaan atau pemulihan penagih dadah atau alkohol atau rumah jagaan orang tua.
12. **Kehilangan Penglihatan** bermakna kehilangan penglihatan secara keseluruhan menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** buta sepenuhnya dan tiada pemuliharaan dari segi pembedahan atau rawatan lain.
13. **Kehilangan Keupayaan Bertutur** bermakna kehilangan keupayaan kekal untuk berkomunikasi secara lisan.
14. **Kehilangan Pendengaran** bermakna kehilangan upaya kekal pendengaran dan tidak boleh dipulihkan.
15. **Perkelahian/Pergaduhan** bermakna pertengkar atau pergaduhan yang riuh rendah dan sering ganas sama ada dirangsangkan atau tidak.
16. **Demonstrasi** bermakna sokongan manifestasi atau rasa tidak puas hati atau bantahan melalui perhimpunan dan perarakan awam.
17. **Kenderaan Bermotor** bermakna apa-apa bentuk kenderaan yang didorong oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan dan termasuklah treler.
18. **Pekerja** bermakna mana-mana orang yang berkhidmat di bawah kontrak pekerjaan dengan **Anda** dan menerima gaji daripada **Anda**.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)
Dahulu Dikenali Sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 6120 Pudu, 55916 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 **Faks:** +603 2268 2222 **Laman Sesawang:** www.kurnia.com
(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

POLISI INSURANS PERFECT RIDER 24HR

FAEDAH-FAEDAH

1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Apabila Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan mengakibatkan kehilangan nyawa **Orang Yang Diinsuranskan** dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan, Kami akan membayar jumlah faedah seperti dinyatakan di dalam **Jadual** kepada **Anda**, penama atau Pentadbir atau Pelaksana harta pusaka **Anda**.

2. HILANG UPAYA KEKAL

Apabila Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan mengakibatkan Hilang Upaya Kekal seperti berikut dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan, Kami akan membayar kepada **Anda** sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual** mengikut jadual pampasan di bawah.

JADUAL PAMPASAN

Keterangan Hilang Upaya	Pampasan (Peratus (%)) daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan)
Kehilangan kedua-dua belah tangan atau kaki atau penglihatan kedua-dua belah mata	100
Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100
Kehilangan sama ada sebelah tangan atau kaki dan penglihatan sebelah mata	100
Lumpuh keseluruhan (dari leher ke bawah)	100
Kuadriplegia kekal (kehilangan penggunaan empat anggota secara menyeluruh dan kekal)	100
Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan	50
Kehilangan sama ada sebelah tangan atau Kaki	50
Kehilangan pendengaran kedua-dua belah telinga	50
Kehilangan keupayaan bertutur	50
Kehilangan penglihatan sebelah mata	50
Kehilangan semua jari kaki	50

Kehilangan kekal keseluruhan penggunaan bahagian badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan bahagian badan.

Aggregat bagi semua peratusan yang boleh dibayar di bawah Faedah Hilang Upaya Kekal untuk mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% jumlah diinsuranskan yang dinyatakan dalam **Jadual** bagi setiap individu.

Jika berlaku tuntutan Hilang Upaya Kekal yang kemudiannya diikuti oleh kematian **Orang Yang Diinsuranskan** akibat kemalangan yang sama, jumlah amaun yang akan dibayar tidak akan melebihi jumlah asas yang diinsuranskan untuk Kematian Akibat Kemalangan.

3. PERBELANJAAN PERUBATAN, PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN/ATAU PEMBEDAHAN KOSMETIK DAN/ATAU YURAN AMBULAN

a) PERBELANJAAN PERUBATAN

Jika berlaku Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan, **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan rawatan daripada Doktor, diwadkan dalam Hospital atau pengupahan jururawat berlesen atau berijazah, Kami akan membayar perbelanjaan sebenar yang ditanggung dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan untuk rawatan, caj hospital dan yuran jururawat tersebut.

b) PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN/ATAU PEMBEDAHAN KOSMETIK

Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik

akan dibayar jika dicadangkan dan dilakukan oleh Pakar Ortodontik atau Pakar Pembedahan Kosmetik berlesen selepas kemalangan yang melibatkan **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan**. Faedah ini dihadkan kepada perbelanjaan sebenar yang ditanggung untuk rawatan tersebut dengan syarat pembedahan tersebut dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan kalender dari tarikh kemalangan.

c) YURAN AMBULAN

Kami akan membayar yuran ambulan yang ditanggung sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk perkhidmatan ambulan yang membawa **Orang Yang Diinsuranskan** ke dan/atau dari Hospital berikutnya **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan**.

Jumlah yang perlu dibayar di bawah Faedah 3 terhad kepada jumlah diinsuranskan seperti dinyatakan di dalam **Jadual** untuk setiap orang dan setiap satu kemalangan.

4. ELAUN PENGKEBUMIAN

Kami akan membayar jumlah diinsuranskan yang dinyatakan di dalam **Jadual** kepada **Anda**, penama atau Pentadbir atau Pelaksana harta pusaka **Anda** apabila tuntutan dibawah Faedah 1 (Kematian Akibat Kemalangan) sah dibayar oleh **Kami**.

5. BAKI KAD KREDIT TERTUNGGAK

Kami akan membayar amaun yang diperlukan untuk membayar balik baki tunggakan kad kredit **Orang Yang Diinsuranskan** termasuk faedah yang dikenakan sehingga dan termasuk pada tarikh kemalangan jika **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami kematian yang disebabkan oleh **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan**, sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual**. Faedah ini hanya akan diberi kepada **Orang Yang Diinsuranskan** yang memiliki Kad Kredit atas nama peribadiannya (tidak termasuk baki yang ditanggung oleh pemegang kad tambahannya).

Apabila tuntutan dibawah Faedah ini sah dibayar, **Kami** akan membayar kepada **Anda**, penama atau Pentadbir atau Pelaksana harta pusaka **Anda**.

6. INDEMNITI BERGANDA

Kami akan membayar dua kali ganda jumlah diinsuranskan untuk Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami sama ada kematian akibat kemalangan, kuadriplegia kekal atau lumpuh keseluruhan dari leher ke bawah disebabkan oleh kemalangan **Kenderaan Bermotor** sama ada sebagai penumpang, pemborceng atau pemandu/penunggang dan kemalangan tersebut berlaku ketika cuti umum seluruh Malaysia.

7. PERKHIDMATAN BANTUAN KEROSAKAN KENDERAAN DAN PERKHIDMATAN TUNDA DI DALAM MALAYSIA

(Bagi kenderaan persendirian yang didaftarkan di bawah nama **Anda**)

Anda layak untuk menerima Faedah Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda yang disediakan oleh **Kami** atau penyedia perkhidmatan yang disahkan oleh **Kami**, 24 jam sehari, 365 hari setahun di dalam Malaysia sahaja. Faedah ini akan diberikan kepada **Anda**/pemandu **Kereta Dinamakan** yang dinyatakan dalam **Jadual** apabila berlaku kejadian kerosakan kepada **Kereta Dinamakan** dalam Tempoh Insurans.

Anda/pemandu **Kereta Dinamakan** mesti membuat panggilan ke talian bebas tol 24 jam bernombor 1 800 88 3833 untuk mendapatkan khidmat bantuan yang diperlukan.

Perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan tunda ini adalah tidak dihadkan untuk bilangan kejadian.

Kereta Dinamakan mestilah kenderaan persendirian yang didaftarkan di bawah nama **Anda**.

Jika **Kereta Dinamakan** mengalami kerosakan, **Kami** akan menyediakan perkhidmatan berikut tanpa sebarang kos kepada **Anda**/pemandu;

- Menukar tayar pancit
- Mengganti bateri (jika bateri baharu diperlukan, perbelanjaan ditanggung oleh **Anda**/pemandu)
- 'Jump start' enjin **Kereta Dinamakan**

POLISI INSURANS PERFECT RIDER 24HR

Kos untuk semua baikpulih kenderaan termasuk penggantian alat yang dilakukan di lokasi kerosakan atau bengkel penyedia perkhidmatan mestilah dirunding dan dipersetujui antara Anda/pemandu dan penyedia perkhidmatan. Kos ini adalah tanggungjawab pihak Anda/pemandu.

Jika **Kereta Dinamakan** memerlukan tundaan kerosakan untuk melengkapkan baikpulih, **Kami** akan menguruskan tundaan ke bengkel penyedia perkhidmatan terdekat atau destinasi khusus yang diminta oleh **Anda/pemandu** dan dipersetujui oleh **Kami** dalam lingkungan had jarak yang dinyatakan di dalam **Jadual**. Sebarang saman dan/atau kompaun yang dikenakan oleh pihak berkuasa dan yuran parkir (jika ada) adalah tidak dilindungi oleh **Kami**.

Kereta Dinamakan tidak akan dilindungi untuk bantuan kerosakan dan penundaan jika:

- a) kereta tidak mempunyai enjin atau tidak boleh digerakkan, untuk tujuan melupuskan kereta atau menunda dari satu bengkel ke bengkel lain.
- b) kereta berada di kawasan terpencil, kawasan yang tidak digazetkan sebagai jalanraya, contoh seperti estet, perladangan, hutan, tempat letak kereta bawah tanah dan atas bumbung.
- c) sebarang bencana semulajadi, malapetaka, cuaca buruk dan faktor lain di luar kawalan **Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami** untuk memberikan perkhidmatan yang diperlukan.
- d) jika berlaku kegagalan fungsi kuasa atau malapetaka yang menghindari **Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami** untuk memberikan bantuan yang diperlukan.

FASAL

MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya **Orang Yang Diinsuranskan** yang timbul daripada Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam yang disebabkan secara langsung oleh:

- a. Tindakan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam apa-apa gangguan ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak).
- b. Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membanteras atau percubaan membanteras apa-apa gangguan sedemikian atau dalam mengurangkan kesan daripada apa-apa gangguan sedemikian.
- c. Tindakan yang disengajakan oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk yang dilakukan sebagai lanjutan daripada sesuatu mogok atau sebagai tentangan kepada sekat-masuk.
- d. Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam mencegah atau percubaan untuk mencegah apa-apa tindakan sedemikian atau dalam mengurangkan kesan akibat daripada apa-apa tindakan sedemikian.

Sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah fasal ini, **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah membuktikan bahawa kecederaan anggota badan tersebut timbul berasingan daripada dan tidak ada kena mengena dengan atau disebabkan oleh atau berpuncu daripada atau boleh dikesan kepada mana-mana kejadian tersebut atau apa-apa akibatnya dan sekiranya hal itu gagal dibuktikan **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran berhubung dengan tuntutan sedemikian.

Dengan syarat bahawa berhubung dengan peluasan ini, **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah mengalami kecederaan anggota badan sebagaimana ditakrifkan di bawah **Polisi** sebagai pemerhati yang tidak bersalah dan bukan sebagai akibat penglibatan aktif secara langsung atau tidak langsung dalam Mogok, Rusuhan atau Kekecohan Awam sedemikian.

RAMPASAN

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya kepada **Orang Yang Diinsuranskan** yang timbul daripada rampasan sama ada di atas pengangkutan darat sebagai penumpang yang memegang tiket atau semasa mengembara di dalam pesawat sebagai penumpang yang memegang tiket bagi penerbangan berjadual tetap dalam pesawat jenis biasa berlesen penuh yang dimiliki dan/atau dikendalikan oleh syarikat

penerbangan yang diiktiraf atau sebagai penumpang berbayar di atas mana-mana kapal laut yang digunakan untuk membawa dan mengangkut penumpang.

LEMAS

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya sebagaimana ditakrifkan dalam **Polisi** ini yang timbul daripada atau akibat mati lemas dengan atau tanpa sebarang tanda kecederaan luaran atau keganasan yang boleh dilihat.

SUKAN AMATUR

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya yang timbul semasa **Orang Yang Diinsuranskan** melibatkan diri dalam sukan dalaman atau luaran (kecuali yang dinyatakan di bawah Pengecualian no. 12(a) sebagai seorang amatur).

PEMBUNUHAN DAN SERANGAN TIDAK DIDORONG

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa perlindungan yang diperuntukkan di bawah **Polisi** ini termasuk kematian atau hilang upaya yang secara langsung disebabkan oleh serangan atau pembunuhan atau sebarang percubaan ke atas **Orang Yang Diinsuranskan**, tidak termasuk kematian atau kecederaan anggota badan yang dialami di mana **Orang Yang Diinsuranskan** telah / sedang melakukan atau berhasrat untuk melakukan tindakan sedemikian padanya.

KEHILANGAN

Adalah dipersetujui dan difahami bahawa sekiranya selepas tempoh satu (1) tahun telah berlalu dan **Syarikat** telah meneliti segala bukti yang ada dan tidak mempunyai alasan untuk mengandaikan apa-apa selain daripada suatu kemalangan telah berlaku dan bahawa Mahkamah telah mengumumkan **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut sebagai hilang dan dianggap telah meninggal dunia di sisi undang-undang maka kehilangan hendaklah dianggap boleh dituntut di bawah **Polisi** ini.

Adalah dipersetujui dan difahami selanjutnya bahawa sekiranya pada bila-bila masa selepas bayaran telah dibuat dan **Orang Yang Diinsuranskan** didapati masih hidup maka apa-apa jumlah yang telah dibayar oleh **Syarikat** hendaklah, dalam masa tiga puluh (30) hari kalender dari tarikh penemuan tersebut, dikembalikan semula sepenuhnya kepada **Syarikat**.

SUKAN MUSIM SEJUK

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya semasa mengambil bahagian dalam aktiviti sukan musim sejuk sebagai amatur.

BENCANA ALAM

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya disebabkan oleh gempa bumi, banjir, letusan gunung berapi, ombak besar, panahan petir, ribut, hurikan, siklon, taufan, La Nina dan gelinciran tanah / tanah runtuhan.

PENDEDAHAN KEPADA ELEMEN SEMULAJADI

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini meliputi kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh pendedahan kepada elemen semulajadi akibat kemalangan yang dilindungi di bawah ini dengan syarat bahawa sekiranya kematian **Orang Yang Diinsuranskan** diakibatkan oleh pendedahan kepada elemen semulajadi di mana kematian ini tertakluk kepada siasatan badan kehakiman yang dibentuk dengan sempurna dan ia mendapati bahawa kematian **Orang Yang Diinsuranskan** adalah disebabkan pendedahan akibat sesuatu kemalangan.

MENUNGGANG MOTOSIKAL

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** semasa menunggang motosikal atau sebagai pembonceng untuk tujuan peribadi atau perniagaan dengan syarat sentiasa bahawa **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang tuntutan yang timbul daripada perlumbaan, mengatur rentak (pace-making) atau penglibatan **Orang Yang Diinsuranskan** dalam mana-mana pertandingan kepantas, kehandalan atau ujian-ujian lain.

MEMBURU

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya ketika terlibat dalam aktiviti

POLISI INSURANS PERFECT RIDER 24HR

pemburuan, dengan syarat kelulusan permit / lesen daripada pihak berkuasa berkaitan telah diperoleh dan Orang Yang Diinsuranskan memegang lesen sah untuk memiliki dan menggunakan senjata api untuk tujuan pemburuan sahaja.

MENYELAM SKUBA

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya semasa mengambil bahagian dalam aktiviti menyelam skuba sebagai amatuer.

SESAK NAFAS AKIBAT ASAP, WASAP ATAU GAS BERACUN

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya yang timbul akibat sesak nafas secara tidak sengaja oleh asap, wasap atau gas beracun.

PERLINDUNGAN KEGANASAN

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian dan hilang upaya yang timbul daripada tindakan Keganasan kecuali Keganasan akibat semata-mata daripada penggunaan senjata Nuklear, Kimia atau Biologi pemusnah besar-besaran walaubagaimana cara sekalipun ia disebarluaskan atau digabungkan. Untuk tujuan fasil ini:

- a) Keganasan bermaksud satu perbuatan, atau tindakan mana-mana individu, atau kumpulan individu, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuatkan orang awam, atau mana-mana bahagian / tempat awam berada dalam ketakutan. Keganasan boleh termasuk, tetapi tidak terbatas kepada penggunaan sebenar kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman penggunaan sedemikian. Tambahan pula mereka yang melakukan Keganasan boleh bertindak sama ada secara sendirian, atau bagi pihak, atau bersangkut-paut dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan.
- b) Penggunaan senjata nuklear pemusnah besar-besaran bermaksud penggunaan sebarang bahan letupan senjata nuklear atau peranti atau pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran bahan boleh belah yang memancarkan tahap radioaktif yang berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.
- c) Penggunaan senjata kimia pemusnah besar-besaran bermaksud pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelepasan sebarang sebatian kimia pepejal, cecair atau bergas yang, apabila disebarluaskan sepenuhnya, berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.
- d) Penggunaan senjata Biologi pemusnah besar-besaran bermaksud pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran sebarang mikroorganisma patogenik (yang menghasilkan penyakit) dan/atau secara biologi menghasilkan toksin (termasuk organisme yang diubahsuai genetik dan mensintesikan toksin secara kimia) yang berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia dan haiwan.

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak memberikan perlindungan untuk mana-mana keadaan berikut:

1. Kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya:
 - a) oleh sebarang jenis sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit;
 - b) oleh melahirkan anak, keguguran, mengandung atau sebarang komplikasi yang berkaitan melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan;
 - c) jika **Orang Yang Diinsuranskan** memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang membubukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudarangkan atau bahan yang membubukkan sehingga **Orang Yang Diinsuranskan** tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik. **Orang Yang Diinsuranskan** akan dianggap tidak dapat mengawal kenderaan dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing **Orang Yang Diinsuranskan** lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 daripada 80mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu;
- d) jika **Orang Yang Diinsuranskan** tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuasakan sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang ada.
2. Sebarang kecederaan anggota badan yang mengakibatkan hernia.
3. Kecederaan diri sendiri yang disengajakan, tidak siuman, bunuh diri dan sebarang cubaan seumpamanya (sama ada siuman atau tidak siuman).
4. Sebarang kecacatan fizikal, mental atau uzur, sebarang jenis sawan yang sedia ada.
5. Melakukan atau cubaan melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang.
6. Kerugian berlaku di luar Had Wilayah.
7. Kerugian yang disebabkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan, konspirasi, tindakan ketenteraan atau rampasan kuasa, undang-undang tentera atau pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang membawa kepada pengisytiharan atau pengekalan keadaan darurat atau keadaan pengepungan, perampasan, kuarantin, atau peraturan kastam atau nasionalisasi oleh atau atas perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan, atau apa-apa senjata atau alatan yang menggunakan pembelahan atom atau kuasa radioaktif, sama ada ketika aman atau semasa peperangan. Pengecualian ini tidak akan dipengaruhi oleh mana-mana pengendorsan yang tidak merujuk secara khusus kepadanya, secara keseluruhan atau sebahagian. **Orang Yang Diinsuranskan** akan, sekiranya diperlukan, dan sebagai syarat duluan kepada mana-mana liabiliti **Syarikat**, membuktikan bahawa kerugian tersebut walau dalam apa cara sekalipun bukan berpunca daripada atau melalui mana-mana pengecualian, keadaan atau sebab-sebab di atas.
8. Pengionan, radiasi, atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear atau bahan senjata nuklear.
9. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dinamakan.
10. Menaiki penerbangan atau mengembara di dalam pesawat udara selain daripada sebagai penumpang berbayar dalam pesawat udara yang berlesen dalam penerbangan domestik atau penerbangan antarabangsa yang dijadualkan.
11. Semasa terlibat dalam **Perkelahian/Pergaduhan** atau **Demonstrasi**.
12. **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat dalam:
 - a) luncur air, sebarang aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau jurupandu, payung terjun, luncur udara, penerjunan bebas, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, bergusti, bertinju, sukan/permainan profesional, perlumbaan selain daripada menggunakan kaki, mengatur rentak (pace-making), ujian kelajuan, atau ketahanan
 - b) Penggunaan mesin pertukangan kayu yang dipacu oleh kuasa mekanikal.
13. Kerugian, kerosakan atau liabiliti kepada /diakibatkan oleh **Kereta Dinamakan** yang dinyatakan di dalam **Jadual** semasa perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan tunda.
14. Pengecualian pekerjaan – bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang bekerja sebagai atau melakukan mana-mana jenis pekerjaan yang disenaraikan di bawah

POLISI INSURANS PERFECT RIDER 24HR

(sama ada secara sementara atau tetap), tiada faedah akan dibayar di bawah Polisi ini untuk **Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan** semasa melakukan pekerjaan sedemikian:-

Pelumba, ahli sukan profesional, kelas, pembalak, pekerja pesisir pantai, ahli pesawat udara, nelayan, joki kuda, penghibur profesional, pembuat/pengendali bahan letupan, krew kapal, juruterbang dan pemandu ujian, pemungkah kargo, penyelam profesional, ahli bomba, pekerja bawah tanah/pelombong, ahli angkatan bersenjata, perkhidmatan atau operasi tentera laut atau tentera udara, anggota polis dan perkhidmatan penyelamat.

15. Kematian atau hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembunuhan atau serangan yang diprovokasi, keracunan makanan, gigitan serangga, ular, binatang perosak dan binatang.

16. Klausa Pengecualian Kerugian Siber Terhad

- a) Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
- b) Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - i. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - ii. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - iii. akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - iv. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - v. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan i. hingga iv. di atas;
 - vi. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
- c) Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
- d) Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
- e) Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

SYARAT-SYARAT

1. KONTRAK

Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.

2. SYARAT TERDAHULU KEPADA LIABILITI

Anda/Orang yang Diinsuranskan seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Anda/Orang yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

3. HAD WILAYAH

Perlindungan bagi Faedah 1 hingga 6 yang dinyatakan di dalam Polisi ini ialah dua puluh empat (24) jam sehari, di seluruh dunia. Faedah 7 adalah terhad kepada 24 jam sehari di dalam Malaysia.

4. BERMASTAUTIN DI LUAR NEGARA

Hanya Faedah Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal sahaja akan dibayar sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** menetap di luar Malaysia bagi tempoh lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

5. PEMEGANG PERMIT/PAS KERJA DI MALAYSIA

Bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang merupakan pemegang permit/pas kerja di Malaysia, Polisi ini akan secara automatik terbatas dan tidak sah sekiranya permit/pas kerja **Orang Yang Diinsuranskan** telah luput tempoh atau telah dibatalkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Kami akan memulangkan mana-mana perkadaran premium yang bersamaan dengan Tempoh Insurans yang belum luput.

6. MATA WANG DAN KADAR TUKARAN

Semua premium hendaklah dibayar dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke **Hospital** dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan memberikan bil dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, Kami akan membayar ganti rugi kepada **Anda** dalam **Ringgit Malaysia** berdasarkan kadar tukaran yang disebut (kadar pasaran terbuka jika pasaran terbuka, kadar rasmi jika bukan pasaran terbuka) pada tarikh **Orang Yang Diinsuranskan** keluar dari **Hospital**.

7. SYARAT PENARIKAN BALIK PORTFOLIO

Kami berhak untuk menarik balik portfolio secara keseluruhannya sekiranya Kami memutuskan untuk tidak menyambung pengunderaitan produk insurans ini. Apabila menarik balik portfolio secara keseluruhan, notis bertulis tiga puluh (30) hari akan diberikan kepada **Anda** dan Kami akan terus menanggung semua Polisi sehingga tamat Tempoh Insurans/perlindungan.

8. PERUBAHAN POLISI

Sebarang perubahan dalam Polisi ini adalah tidak sah melainkan diluluskan oleh pegawai Kami dan kelulusan tersebut mestilah diendorskan ke atasnya.

9. TUNTUTAN

- a) Jika berlaku apa-apa kemalangan di mana pampasan perlu dibayar di bawah Polisi ini, **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah segera mendapatkan perkhidmatan **Doktor** dan menjalani sebarang rawatan yang dianggap perlu oleh Doktor tersebut.
- b) Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah dalam masa empat belas (14) hari selepas kemalangan memberikan notis bertulis kepada Kami dan memberikan butiran penuh mengenai kemalangan dan kecederaan tersebut. Kematian **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah ditentukan menerusi Sijil Kematian Rasmi atau sekiranya hilang selepas kemalangan, oleh Mahkamah yang mengandaikan kematianya.
- c) Selepas berlakunya apa-apa kemalangan yang telah atau mungkin menimbulkan satu tuntutan, **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah mengambil langkah-langkah terbaik untuk menjaga sebarang peralatan atau barang sama ada yang rosak atau tidak berfungsi atau dalam hal lain mungkin diperlukan atau berguna sebagai bukti berhubung dengan sebarang tuntutan dan setakat mana yang mungkin, tiada pengubahaian atau pembakaian boleh dibuat kepada mana-mana barang yang berkaitan dengan atau terlibat dalam kemalangan tanpa persetujuan bertulis daripada Kami. **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** tidak boleh, tanpa persetujuan Kami secara bertulis, menolak liabiliti, berunding atau membuat sebarang pengakuan, membuat janji atau pembayaran berhubung dengan apa-apa kemalangan atau tuntutan. Kami berhak mengambil alih dan menguruskan atas nama **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** atau mendakwa atas nama **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** dengan perbelanjaan Kami dan untuk faedah Kami sendiri, sebarang tuntutan bagi indemniti atau kerosakan atau selainnya terhadap mana-mana pihak dan mempunyai budi bicara penuh dalam mengendalikan mana-mana perundungan dan untuk menyelesaikan apa-apa tuntutan dan **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan seperti yang Kami perlukan.
- d) Semua sijil, resit akaun, dokumen, maklumat dan bukti yang Kami perlukan hendaklah disediakan atas kos **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** dan hendaklah dalam bentuk dan rupa yang Kami telah tetapkan.

POLISI INSURANS PERFECT RIDER 24HR

10. PEMERIKSAAN PERUBATAN

Kami berhak untuk menjalankan pemeriksaan ke atas **Orang Yang Diinsuranskan** sekerap yang perlu dan sewajarnya semasa tuntutan sedang dinilai dan mempunyai hak untuk membuat autopsi dalam kes kematian akibat kemalangan atas perbelanjaan **Kami**.

11. DUA ATAU LEBIH POLISI

Jika berlaku sebarang tuntutan di bawah Faedah 3 (Perbelanjaan Perubatan, Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik dan/atau Yuran Ambulan) dan Faedah 5 (Baki Kad Kredit Tertunggak) dalam **Polisi** ini dan terdapat sebarang mana-mana insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagiannya, **Kami** hanya bertanggungjawab terhadap baki perbelanjaan yang ditanggung sehingga jumlah faedah yang diinsuranskan yang dinyatakan dalam **Jadual** jika **Orang Yang Diinsuranskan** telah menerima bayaran di bawah **Polisi** insurans lain.

12. PEMBATALAN OLEH ANDA

Anda boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada **Kami**. **Kami** akan menyimpan premium berdasarkan jadual jangka pendek bagi tempoh di mana **Polisi** telah berkuat kuasa dan membayar balik kepada **Anda** baki **Tempoh Insurans** yang belum luput dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam **Tempoh Insurans**.

Jadual Jangka Pendek

Tempoh Tidak Melebihi	Peratusan (%) Pemulangan Premium Tahunan
1 bulan	80
2 bulan	70
3 bulan	60
4 bulan	50
5 bulan	40
6 bulan	30
7 bulan	25
8 bulan	20
9 bulan	15
10 bulan	10
11 bulan	5
Tempoh lebih 11 bulan	Tiada pemulangan

13. PEMBATALAN OLEH KAMI

Kami boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar ke alamat terakhir **Anda** yang **Kami** ketahui dan akan menyatakan bila pembatalan tersebut akan berkuat kuasa. **Kami** akan memulangkan jumlah pro-rata premium bagi baki **Tempoh Insurans** yang telah dibayar oleh **Anda**. Pembatalan ini adalah tanpa prasangka terhadap sebarang tuntutan yang telah dibuat sebelum pembatalan **Polisi**.

14. PENIMBANGTARAAN

Semua pertikaian yang timbul daripada **Polisi** ini hendaklah dirujuk kepada Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak yang bercanggah atau jika mereka tidak bersetuju dengan pelantikan seorang Penimbang Tara, merujuk kepada keputusan dua Penimbang Tara yang setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu (1) bulan kalender selepas dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian oleh salah satu pihak atau dalam kes di mana Penimbang Tara tidak mencapai persetujuan, merujuk kepada keputusan Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum membuat rujukan. Pengadil akan duduk bersama Penimbang Tara dan mempergerusikan mesyuarat mereka dan Keputusan Penimbangtaraan adalah satu syarat sebelum tindakan boleh diambil ke atas **Kami**.

Jika **Kami** menafikan liabiliti terhadap **Orang Yang Diinsuranskan** bagi sebarang tuntutan di bawah ini dan tuntutan sedemikian tidak dirujuk untuk penimbangtaraan dalam masa dua belas (12) bulan kalender dari tarikh penafian tersebut di bawah peruntukan yang terkandung di dalam ini, maka tuntutan hendaklah dianggap telah digugurkan untuk segala tujuan dan tidak boleh dituntut kembali selepas itu di bawah **Polisi** ini.

15. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL SELIA

Indemniti yang dinyatakan dalam **Polisi** ini tidak akan diguna pakai kepada atau termasuk:

- pampasan untuk kerugian bagi pengadilan yang bukan ditentukan atau diperolehi daripada Mahkamah di bawah bidang kuasa undang-undang di Malaysia.
- kos dan perbelanjaan perundangan yang dituntut balik oleh pihak yang menuntut daripada **Anda** yang tidak ditanggung dan boleh dituntut balik di Malaysia.

16. TEMPOH PERLINDUNGAN DAN SYARAT PEMBAHARUAN

Polisi ini akan luput/tamat pada tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans** dan boleh diperbaharui secara tahunan berdasarkan persetujuan bersama antara **Anda** dan **Kami**. **Polisi** ini adalah tertakluk kepada pindaan pada Ulang Tahun **Polisi** yang merupakan satu tahun selepas tarikh kuat kuasa dan setiap tahun selepas itu.

17. KEWAJIPAN PENDEDAHAN SEBELUM INSURANS INI DIBERIKAN

- Apabila **Anda** telah memohon **Insurans** ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Anda**, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans **Anda** selaras dengan remedii di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

- Jika **Anda** tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejurnya, insurans mungkin tidak sah atau **Polisi** mungkin tidak melindungi **Anda** dengan sepenuhnya.

18. KEWAJIPAN PENDEDAHAN DALAM TEMPOH INSURANSINI

Sepanjang tempoh insurans ini, **Anda** dikehendaki memberitahu **Kami** dengan serta-merta tentang apa-apa perubahan dalam pekerjaan **Anda**, tugasan kerja, aktiviti sukan atau apa-apa maklumat berkaitan yang boleh meningkatkan risiko. **Kami** mungkin:

- meminta **Anda** membayar **premium** tambahan bagi peningkatan risiko tersebut atau
- membuat perubahan kepada terma dan syarat **Polisi** ini atau
- membiarkan terma, syarat dan **premium** **Polisi** seadanya tanpa diubah.

Anda akan hanya dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko jika dipersetujui secara bertulis oleh pihak **Kami**.

19. PEMBAYARAN PREMIUM – TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Anda mesti membayar premium sebelum perlindungan di bawah **Polisi** ini akan berkuat kuasa.

20. KLAUSA HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah **Polisi** ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan **Kami** kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau Malaysia.

POLISI INSURANS PERFECT RIDER 24HR

NOTIS PENTING

1. **Pihak Diinsuranskan** hendaklah membaca **Polisi** ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak **Pihak Diinsuranskan**, **Pihak Diinsuranskan** hendaklah memberitahu kepada **Syarikat** dan mengembalikan **Polisi** untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. **Pihak Diinsuranskan** yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan **Syarikat**, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan **Kami** dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat), Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah.
 - (a) Unit Pengendalian Aduan
Liberty General Insurance Berhad
Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur
Tel : +603-22683333 atau 1800 88 3833
Faks: +603-2268 2222
 - (b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577
- (c) BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)
Bank Negara Malaysia
4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
No. Tel. : +603-2698 8044 (Talian Am) / 1 300 88 5465 (BNMLINK)
No. Faks : +603-2174 1515
e-Link : bnmlink.bnm.gov.my
alamat emel : bnmlink@bnm.gov.my
Laman Web : www.bnm.gov.my
3. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).